



SIARAN MEDIA

TIGA TAHUN MALAYSIA CEMERLANG MEMPENGERUSIKAN ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SOCIAL WELFARE AND DEVELOPMENT (AMMSWD)

KUALA LUMPUR, 29 Ogos 2025 – *12th ASEAN Ministerial Meeting On Social Welfare And Development (AMMSWD) and Related Meetings* telah berlangsung mulai 26 sehingga 29 Ogos 2025 di Nay Pyi Taw, Myanmar secara dalam talian. YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengetuai delegasi Malaysia dalam mesyuarat tersebut.

Malaysia telah menyandang kepengerusian AMMSWD ini selama tiga (3) tahun semenjak tahun 2022. Dalam tempoh tersebut, AMMSWD selaku badan sektoral yang membincangkan mengenai aspek kesejahteraan, kebajikan dan pembangunan masyarakat giat merangka langkah-langkah strategik untuk membangunkan semula negara serantau yang terjejas akibat pandemik COVID-19 khususnya yang melibatkan golongan wanita, warga emas, kanak-kanak dan orang kurang upaya.

Walaupun tempoh tiga tahun itu merupakan tempoh yang kritikal akibat impak pasca pandemik, Malaysia masih berupaya mengukir beberapa kejayaan antaranya ialah meneraju pelaksanaan Pelan Kerja *Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMSWD)* 2021–2025 dan merangka Pelan Kerja SOMSWD 2026–2030 yang dijangka akan diguna pakai menjelang akhir tahun ini. Selain itu, Terma Rujukan untuk kedua-dua AMMSWD dan SOMSWD yang julung kali diwujudkan telah memberikan struktur tadbir urus rasmi untuk membimbing gerak kerja yang lebih sistematik dan tersusun.

Selari dengan kepengerusian ASEAN-Malaysia pada tahun 2025 dengan tema “Keterangkuman dan Kemampanan”, Malaysia juga berjaya menganjurkan *ASEAN + ROK Conference on Care and Support for Older Persons* pada 30 Jun sehingga 2 Julai 2025 di Kuala Lumpur yang menyaksikan seramai lebih daripada 100 orang peserta dari seluruh negara ASEAN dan Republik Korea berkumpul bagi sama-sama berkongsi berhubung pemerkasaan dan perlindungan warga emas. Penganjuran forum ini adalah berpandukan *Kuala Lumpur Declaration on Ageing: Empowering Older Persons (2015)* dan *ASEAN Plus Three Cooperation Work Plan (2023-2027)*.

Persidangan tersebut telah memberi peluang bagi pertukaran pandangan secara lebih ekstensif khususnya mengenai cabaran yang dihadapi dalam isu penuaan, perkongsian pengalaman dan amalan terbaik berkaitan strategi di negara masing-masing dalam

mendepani penduduk yang menua, pembangunan sistem perkhidmatan penjagaan warga emas serta pembangunan industri *silver economy*. Ia bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk meneroka pendekatan pembangunan dan sistem polisi yang bersesuaian dengan *trend* penduduk global yang menua.

Mesyuarat kali ini turut menyaksikan penyerahan Kepengerusian Malaysia kepada Myanmar oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi AMMSWD. YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapan penyerahan kepengerusian AMMSWD berkongsi kejayaan yang telah dicapai oleh AMMSWD serta merakamkan ucapan penghargaan kepada negara-negara Anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN dan rakan strategik yang telah memberikan komitmen yang jitu dalam merealisasikan segala gerak kerja sepanjang tempoh Malaysia memegang kepengerusian AMMSWD. Beliau turut menyampaikan ucapan selamat maju jaya kepada Myanmar yang akan menerajui AMMSWD untuk tempoh dua (2) tahun yang akan datang.

Sepanjang tempoh mesyuarat ini, beberapa program dan mesyuarat diadakan merangkumi *20th ASEAN Go-NGO Forum On Social Welfare And Development* pada 26 Ogos 2025; *3rd ASEAN Outstanding Social Welfare And Development Awards (AOSWADA) Awarding Ceremony* pada 27 Ogos 2025; *21st ASEAN Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (21st SOMSWD)* pada 27 Ogos 2025; *20th ASEAN Plus Three Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (20th SOMSWD + 3)* pada 28 Ogos 2025; *7th Meeting Of The ASEAN Network of Experts on Inclusive Entrepreneurship For ASEAN (7th NIEA Meeting)* pada 28 Ogos 2025; *12th ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (12th AMMSWD)* pada 29 Ogos 2025; dan *8th ASEAN Plus Three Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (8th AMMSWD+3)* pada 29 Ogos 2025.

Sebagai ahli AMMSWD, Malaysia komited untuk terus bersama-sama memperkasakan kebajikan sosial, kanak-kanak, keluarga, orang kurang upaya dan warga emas di bawah payung SOMSWD dan AMMSWD. Malaysia juga sentiasa berusaha untuk mengukuhkan kerjasama serantau dalam membina ASEAN yang inklusif.

####

**UNIT KOMONIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
29 OGOS 2025**